

Wasiat permudah pembahagian harta

BERITA HORIZON

(19/06/2019) M/S
75

➔ Pengurusan pusaka boleh jadi rumit jika tak dirancang dari awal



Muhammad Hakim Nordin

ngan waris dikenali sebagai pen-
tadbir dalam melaksanakan tugas


URUSAN SELEPAS KEMATIAN

PENGEBUMIAN

Perkara pertama yang perlu disegerakan adalah urusan pengebumian jenazah. Rasulullah SAW bersabda: "Apabila matinya salah seorang daripada kamu, maka janganlah kalian mengurungnya (melewatkan pengebumian), sebaliknya segerakan membawanya ke kuburnya. (HR Baihaqi)

HUTANG

Selepas selesai proses pengebumian jenazah, waris perlu melangsaikan hutang si mati sama ada hutang dengan Allah SWT mahupun hutang pada manusia yang boleh dibayar dengan menggunakan harta si mati



Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof

afzan@bh.com.my

Ramai mengambil mudah persoalan wasiat dan pengurusan harta selepas kematian hingga tidak melakukan persiapan yang sepatutnya.

Bagaimanapun, apabila ketua atau ahli keluarga yang menjadi sumber pendapatan utama meninggal dunia, urusan pembahagian harta mengikut faraid dan warisan menyukarkan waris yang masih hidup.

Ini kerana kejahatan mengenai hal itu, mengakibatkan pengurusan dan pembahagian harta pusaka tidak dapat dibuat dengan sempurna.

Perunding profesional pusaka, Muhammad Hakim Nordin, berkata ramai dalam kalangan umat Islam tidak mengetahui operasi pengurusan pusaka yang boleh perisiko rumit sekiranya tidak dirancang dari awal.

"Selesai proses pengebumian dan melangsaikan hutang simati, status harta bertukar milik kepada waris yang memerlukan mereka menjalani tiga proses utama, iaitu perolehan kuasa, pentadbiran dan pembahagian kepada waris yang layak," katanya.

Muhammad Hakim berkata, sebelum pembahagian harta pusaka, waris perlu mengemukakan permohonan pusaka di mana-mana Pejabat Pusaka Kecil atau Mahkamah Tinggi Sivil atau Amanah Raya Berhad, bergantung kepada nilai harta peninggalan si mati.

"Selepas kes pengurusan pusaka difailkan, waris akan menerima surat kuasa mentadbir yang melantik salah seorang dalam kala-

ngai waris sebagai pentadbir dalam melaksanakan tugas mencairkan aset si mati," katanya.

Surat Kuasa Mentadbir itu sangat penting bagi mereka yang ingin menuntut pusaka yang ditinggalkan seperti di Tabung Haji (TH), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan bank, berikutan semua tempat itu memiliki prosedur berbeza.

"Selepas semua proses tuntutan dilakukan, prosiding di mahkamah akan dilakukan untuk menentukan cara pembahagian harta pusaka.

"Di sini, semua waris yang layak menerima harta akan dipanggil ke mahkamah untuk dibicarakan. Proses pembahagian ini yang akan menentukan sama ada waris ingin bahagi secara sama rata, faraid atau sepakat," katanya.

Buat senarai harta

Muhammad Hakim berkata, bersedia awal perlu dilakukan oleh setiap masyarakat adalah semasa hidup, bukan menanggungkannya hingga sampai meninggal dunia.

"Pemilik perlu membuat senarai harta dimiliki dan perlu memiliki maklumat lengkap sama ada aset berkenaan, mempunyai tunggakan yang perlu dibayar atau keperluan tertentu yang ditetapkan ke atas aset berkenaan.

Beliau turut mengingatkan tindakan merujuk kepada kaedah pembahagian tersedia untuk pemilik harta, perlu dalam membuat perancangan harta semasa hidup sama ada melalui faraid, wakaf, hibah dan wasiat satu pertiga kepada bukan waris.

pada manusia yang boleh dibayar dengan menggunakan harta si mati.

PUSAKA

Selepas mati, status harta bertukar milik kepada waris yang perlu menjalani proses pertukaran milik, iaitu proses perolehan kuasa, proses pentadbiran dan proses pembahagian kepada waris yang layak.

PEROLEHAN KUASA

Waris perlu mengemukakan permohonan pusaka di mana-mana Pejabat Pusaka Kecil atau Mahkamah Tinggi Sivil atau Amanah Raya Berhad:-

- # Harta tidak melebihi RM2 juta: Pejabat Pusaka Kecil
- # Harta melebihi RM2 juta: Mahkamah Tinggi Sivil
- # Harta alih sahaja: Amanah Raya Berhad (ARB)

PENTADBIRAN

Waris membuat urusan di pejabat-pejabat pentadbiran untuk mencairkan aset.

PEMBAGIAN

Waris boleh bersepakat dalam pembahagian harta pusaka sama ada faraid atau sama rata dan menerima hibah yang diberikan oleh si pemilik harta.

Tegas beliau, dalam menyelesaikan bab pusaka seeloknya semua waris yang terbabit perlu dipanggil dan berbincang secara waras serta rasional dalam memastikan waris akan menerima pusaka dengan mudah, cepat dan tepat.

Harta beku

Kesedaran umat Islam di negara ini terhadap pengurusan harta pusaka, kata Muhammad Hakim, berada pada tahap amat membimbangkan.

Laporan Jabatan Tanah dan Galian Negara 2016 mendedahkan statistik harta beku melebihi RM60 bilion dan kian meningkat saban tahun.

Muhammad Hakim berkata, dalam kempen kesedaran berhubung perancangan harta dilakukan, beliau mendapat ramai memandang mudah hal itu sedangkan perancangan semasa hidup akan memudahkan waris yang tidak perlu melalui proses tuntutan pusaka kerana pemilik

sudah membuat tabung untuk warisnya sewaktu hidup.

"Ada yang kami temui menyatakan urusan pusaka dilakukan kerana arwah datuk nenek atau emak ayah mereka meninggal dunia, sudah lebih 10 tahun. Jadi urusan pusaka akan mengambil masa yang agak panjang untuk diselesaikan."

"Urusan bertambah rumit dan memakan masa, akhirnya harta pusaka tadi beku dan tiada seorang pun ahli waris mendapat faedah daripada harta si mati," katanya.

